

DYTM Raja Muda Selangor berkenan berangkat ke Kebun Komuniti Garden 8 bimbingan UPM sempena GRS 2.0



Oleh: Noor Eszereen Juferi
Foto Oleh: Noor Azreen Awang

GOMBAK, 16 Jun – Projek kebun komuniti Garden 8 yang dibangunkan dengan bimbingan Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima pengiktirafan bermakna apabila menjadi lokasi keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj sempena Program Gagasan Rumpun Selangor (GRS 2.0), hari ini.

Keberangkatan baginda ke Garden 8, Taman Perwira Setia, Gombak mencerminkan sokongan terhadap usaha memperkukuh perpaduan komuniti menerusi inisiatif pembangunan lestari dan penglibatan masyarakat yang dilaksanakan secara kolaboratif antara penduduk setempat dan institusi pengajian tinggi.



Garden 8 merupakan projek kebun komuniti yang dibangunkan hasil inisiatif penduduk Taman Perwira Setia dengan kerjasama Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), UPM. Kebun seluas 400 meter persegi itu telah dijadikan Projek Pertanian Angkat UPM bagi mempromosikan amalan pertanian bandar, keselamatan makanan komuniti dan gaya hidup hijau.

Ketua Seksyen Bahagian Pengembangan Pertanian, UCTC, UPM, Mahani Amat @ Halimi berkata, Garden 8 merupakan kebun komuniti lorong belakang pertama di Malaysia yang dilengkapi teknologi hijau termasuk aktiviti pengkomposan dan sistem penuaian air hujan bagi menyokong pengurusan sumber yang lebih lestari

“Melalui projek ini, UPM berkongsi kepakaran pertanian dengan komuniti setempat bagi membantu penduduk mengusahakan pelbagai tanaman seperti sayur-sayuran, tanaman herba dapur dan bunga, sekali gus mewujudkan ruang hijau yang memberi manfaat dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar,” katanya.



Beliau berkata, projek tersebut turut menjadi platform pemindahan ilmu dan teknologi universiti kepada masyarakat melalui program latihan, khidmat nasihat, rujukan penyelidikan dan aktiviti pelajar pelbagai universiti serta pemantauan berterusan oleh pakar UPM.

Kejayaan Garden 8 membuktikan peranan UPM bukan sahaja sebagai institusi pendidikan dan penyelidikan, malah sebagai rakan pembangunan komuniti yang komited memperkasa masyarakat melalui inovasi pertanian dan amalan kelestarian.



Dalam pada itu, program GRS 2.0 yang menghimpunkan masyarakat pelbagai kaum di Selangor turut memberi peluang kepada pengunjung melihat sendiri bagaimana kerjasama strategik antara komuniti dan UPM berjaya mentransformasikan kawasan tidak berfungsi kepada ruang produktif yang menyumbang kepada kesejahteraan penduduk.

Other News

- 

UPM, National Taiwan Universit...
[Read more »](#)
- 

UPM cungkil bakat matemati...
[Read more »](#)
- 

Unity Fest satukan mahasiswa...
[Read more »](#)
- 

UPM Perkasa Pelajar Sekolah...
[Read more »](#)
- 

UPM anjur Program Zakat...
[Read more »](#)
- 

Young Scientist Day 2026 lahirka...
[Read more »](#)

News Archive

Latest

- Year
- 2026
- 2025
- 2024
- 2023
- 2022
- 2021
- 2020
- 2019
- 2018
- 2017



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my

Media

- News
- Article
- Video
- UPM in the News
- Document

Contact Us

- Feedback

Others

- UPM Holdings
- UPM Plate Number
- Give to UPM
- Tender and Contracts
- Ministry of Higher Education
- UPM AI HUB
- Sustainability@UPM